

**EDISI
JANUARI - APRIL
2023**



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

ARKIB NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA


YAYASAN SUKARELAWAN SISWA MALAYSIA

YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

YAYASAN TUN RAZAK







Tinta Bicara **KSU**

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara



Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana kita dapat bertemu lagi dalam Edisi 1, Buletin UNITI (BU) bagi tahun 2023. Penerbitan BU adalah merupakan satu dokumen pengisian program-program utama anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) serta agensi-agensi di bawahnya yang berlangsung bagi setiap suku tahun. Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada Jawatankuasa Sidang Redaksi BU, Unit Komunikasi Korporat KPN dalam merealisasikan hasrat Kementerian untuk menerbitkan BU ini.

Warga KPN yang saya kasihi sekalian, hasrat kerajaan bagi menjayakan pembangunan Malaysia MADANI dalam melahirkan masyarakat yang maju, terampil dan terangkum didasari oleh beberapa teras strategik dan fokus utama. Kementerian yang diterajui oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang begitu komited dalam menyahut aspirasi Kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI. Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagai (Unity in Diversity) telah dilancarkan oleh YB Menteri Perpaduan Negara pada 1 Mac 2023. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga kluster utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Program Komuniti RAHMAH. Inisiatif yang dilaksanakan ini adalah bertujuan menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap usaha Kerajaan membangunkan Malaysia MADANI.

SIDANG REDAKSI

Penasihat :
Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim

Ketua Pengarang :
YM Dato' Tengku Khalidah binti Tengku Bidin

Ketua Penyelaras :
Encik Mohd Saufi bin Mohd Isa

Bagi menyokong hasrat YB Menteri Perpaduan Negara iaitu mewujudkan nilai kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia, Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan menjadi wadah utama dalam memberikan perkhidmatan terbaik khususnya buat rakyat di peringkat akar umbi. Pelbagai pengisian program telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam memastikan agenda Malaysia MADANI tercapai.

Usaha memperkasa dan memperkuuh integrasi dan perpaduan nasional terus diperkasakan melalui penganjuran program seperti Galeri Uniti, Semarak Perpaduan, Program Jom GERAK RAHMAH 2023 dan lain-lain. Semoga program yang dirancang oleh Kementerian pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk agensi awam dan swasta, pemimpin-pemimpin komuniti, badan-badan agama, dan badan bukan kerajaan (NGO). Sesungguhnya, permulaan fasa tahun 2023 ini menunjukkan satu petanda yang positif terhadap keberhasilan gerak kerja Kementerian dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat. Oleh itu, saya menyeru agar semangat dan iltizam yang tinggi ini dapat diteruskan dalam membawa amanah dan tanggungjawab yang tinggi untuk mencapai misi dan visi bagi mendokong aspirasi Malaysia MADANI.

Akhir kata, semoga kita bertemu lagi di dalam keluaran yang akan datang. Salam damai dan perpaduan kepada semua.

Penyelaras :
Encik Norisam bin Shahidan
Encik Faiz bin Attan
Encik Imaan Hidayat bin Syarafian
Cik Siti Muzlifah binti Mohammad
Encik Akmal Hafizi bin Radzuan

MISI BANTUAN PASCA BANJIR



1 JANUARI - Ketua Setiausaha menghadiri Misi Bantuan Pasca Banjir anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa di Bukit Payong dan Kuala Nerus, Terengganu.

Misi ini telah disertai oleh sukarelawan mahasiswa daripada Institut Pendidikan Guru (IPG) (Kampus Dato' Razali Ismail), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), University College MAWIP International dan Alumni YSS.



JOM TENGOK BOLA KPN X KBS



8 JANUARI - Sesi Tayangan Skrin Besar Perlawanan Separuh Akhir AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 di 14 Lokasi utama seluruh Malaysia anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Belia dan Sukan. Lokasi utama adalah di Presint 2, Putrajaya.

Kolaborasi strategik antara KPN dan KBS ini merupakan salah satu usaha pencarian tapak integrasi nasional khususnya dalam menyemarakkan lagi semangat perpaduan rakyat Malaysia melalui bidang sukan.



KUNJUNGAN HORMAT

KUNJUNGAN HORMAT YB TUAN MEGAT HASHIRAT HASSAN

KEMENTERIAN PADUAN NEGARA



5 JANUARI 2023

Kunjungan hormat oleh **YB Tuan Megat Hashirat Hassan**, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Sains Teknologi dan Inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Alam Sekitar, Bioteknologi & Teknologi Hijau, Perpaduan Masyarakat serta Kesihatan Negeri Perlis. Dalam sesi mesyuarat ini beberapa perkara telah dibincangkan antaranya memperkasakan kerjasama strategik agar integrasi nasional lebih diperkuuh.

KUNJUNGAN HORMAT TAN SRI DATO' SERI DR. MAZLAN OTHMAN



31 JANUARI 2023

YB Datuk Aaron Ago Dagang telah menerima kunjungan hormat dari agensi baharu di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Hadir bersama adalah Pengurus Yayasan Sukarelawan Siswa, **Tan Sri Dato' Seri Dr. Mazlan Othman**.



KUNJUNGAN HORMAT TYT DUTA BESAR JEPUN



7 FEBRUARI 2023

Kunjungan hormat daripada **TYT Takahashi Katsuhiko**, Duta Besar Jepun ke Pejabat Menteri Perpaduan Negara. Perbincangan yang berlangsung dalam suasana cukup muhibah ini mencakupi hal-hal yang merangkumi urusan dua Negara khususnya berkenaan pengukuhan integrasi nasional, warisan negara serta kerjasama bagi program "Perpaduan dalam Kepelbagaian".



"Kementerian akan memberi tumpuan kepada mempromosikan usaha membangunkan masyarakat **MADANI** iaitu usaha membentuk masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan pembangunan dengan menyemai nilai-nilai murni seperti sikap saling menghormati sesama rakyat sebagai norma sosial dan budaya ke arah pengukuhan penyatupaduan masyarakat secara keseluruhannya."

YB Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara




12 JANUARI - Majlis Amanat YB Menteri Perpaduan Negara telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Majlis ini telah dihadiri oleh warga Kementerian dan agensi - agensi di bawahnya yang terdiri daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Yayasan Sukarelawan Siswa, Yayasan Tun Razak dan Yayasan Tunku Abdul Rahman.

LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI KE PERLIS



LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS PERPADUAN



LAWATAN GALERI DIRAJA, ISTANA ARAU



PROGRAM MAIPS PEDULI



LAWATAN KE MUZIUM KOTA KAYANG



LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI PERPADUAN KE MELAKA (16 JANUARI 2023)

LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS PERPADUAN



Majlis Perjumpaan dan Amanat YB Menteri Perpaduan Negara bersama warga Kementerian Negeri Melaka di Auditorium Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

MUZIUM SENIBINA MALAYSIA



YB Datuk Aaron Ago Dagang telah memulakan lawatan kerja ke Muzium Senibina Malaysia Melaka yang terletak di Jalan Kota, Bandar Hilir Melaka setelah selesai sahaja Majlis Amanat YB Menteri bersama warga Kementerian Negeri Melaka.

LAWATAN KE MEMORIAL PARK MELAKA



Menteri Perpaduan Negara meneruskan lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan. Lokasi yang terletak di hadapan Dataran Pahlawan ini merupakan Pengisytiharan Kemerdekaan Malaya yang dibuat oleh Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Padang Pahlawan.

LAWATAN ANGGOTA SRS TAMAN BUKIT RAMBAI, MELAKA



Menteri Perpaduan Negara turut menyantuni 39 ahli perbarisan SRS dan menyampaikan kotak makanan RT Cares kepada ahli keluarga B40. Melalui Program KPN Prihatin: Ziarah Perpaduan, sebanyak 60 Kotak RT Cares telah disediakan bagi tujuan pengagihan kepada komuniti di Daerah Melaka Tengah.

LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI PERPADUAN KE NEGERI SEMBILAN (17 JANUARI 2023)

CITARASA MENU KAMI



Lawatan Kerja Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang di Negeri Sembilan dimulakan dengan Program Citarasa Menu KAMI yang bertempat di The Urban Affairs Cafe.

MAJLIS AMANAT TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Amanat Tahun 2023 Peringkat Negeri Sembilan di Dewan Theathrette, Wisma Negeri Seremban, Negeri Sembilan.



LAWATAN TAPAK KE MUZIUM LUKUT, PORT DICKSON

Lawatan Kerja Rasmi Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang ke Negeri Sembilan diakhiri dengan lawatan tapak ke Muzium Lukut, Port Dickson.



LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI PERPADUAN KE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (26 JANUARI 2023)

PROGRAM SEMBANG PERPADUAN, PERBADANAN LABUAN



Program Sembang Perpaduan bersama warga Kementerian dan agensi wilayah ini bertempat di Perbadanan Labuan. YB Menteri berkesempatan mendengar taklimat ringkas berkaitan perancangan tahunan oleh wakil agensi Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional W.P.Labuan.

LAWATAN KE MUZIUM CHIMNEY



YB Menteri Datuk Aaron Ago Dagang turut melawat Muzium Chimney, sebuah muzium tapak yang memperkenalkan sejarah Tanjung Kubong dan sejarah perlombongan arang batu di Labuan pada sekitar tahun 1847 sehingga tahun 1911. Menara Chimney telah dianugerahkan The International “Green Apple Awards” dan meraih pingat gangsa bagi kategori Warisan Seni Bina daripada The Green Organisation, di London pada tahun 2013.

LAWATAN KE MUZIUM CHIMNEY



YB Menteri melakukan lawatan ke Perpustakaan Desa Kg. Sg. Labu dan meluangkan masa bersama kanak-kanak dari Tabika Perpaduan Kg. Sg Miri dan Tabika Perpaduan Taman Perumahan Layang-Layangan.

PENYAMPAIAN BANTUAN BAKUL RAHMAH, KAMPUNG PATAU-PATAU 2



Menteri Perpaduan Negara meneruskan lawatan ke Memorial Perisytiharan Kemerdekaan. Lokasi yang terletak di hadapan Dataran Pahlawan ini merupakan Pengisytiharan Kemerdekaan Malaya yang dibuat oleh Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajji di Padang Pahlawan.



LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI PERPADUAN KE SABAH (27 JANUARI 2023)



TINJAUAN KE KEBUN KOMUNITI KRT KAMPUNG SEMBULAN BARU

Menteri Perpaduan Negara telah memulakan Sesi Lawatan Kerja Rasmi ke Negeri Sabah dengan membuat tinjauan ke Kebun Komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Sembulan Baru. Inisiatif Kebun Komuniti merupakan satu bentuk kolaborasi strategik antara Kementerian Perpaduan Negara bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebagaimana Nota Kerjasama yang telah ditandatangani bersama pada tahun 2022.



PROGRAM KOMUNITI RAHMAH MALAYSIA MADANI

Sesi lawatan kerja YB Menteri kemudian diteruskan lagi ke Program Komuniti Rahmah Malaysia Madani yang menyasarkan bantuan kepada 100 penerima daripada komuniti B40 KRT di daerah sekitar Kota Kinabalu.



MAJLIS PERJUMPAAN DAN AMANAT KEMENTERIAN DAN AGENSI NEGERI SABAH

Majlis Perjumpaan dan Amanat YB Menteri Perpaduan Negara bersama warga Kementerian dan agensi Negeri Sabah telah diadakan di Putera Ballroom, Bukit Padang, Kota Kinabalu.



GALERI UNITI MALAYSIA FESTIVAL TAHUN BAHARU CINA



18 HINGGA 21 JANUARI -
Program Galeri UNITI Tahun Baru Cina di AEON Mall Klebang Ipoh, Perak.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Encik Sivanesan A/L Achalingam, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India Negeri Perak.

Ketua Setiausaha KPN telah menyerahkan momento Rakan Strategik kepada Ketua Pegawai Sumber Manusia AEON Co. (M) Bhd, YBrs. Dr. Kasuma Satria.



Ketua Setiausaha KPN telah menyerahkan momento Rakan Strategik kepada Ketua Pegawai Sumber Manusia AEON Co. (M) Bhd, YBrs. Dr. Kasuma Satria.



KARNIVAL SUKAN PUSPANITA 2023



17 HINGGA 19 FEBRUARI - Karnival Sukan Puspanita 2023 diadakan selama tiga hari di Sports Arena, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Program ini turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KPN, YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim. Pasukan KPN terdiri daripada warga kementerian dan agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara.



PROGRAM HARMONI 2023 PERINGKAT NEGERI SARAWAK



26 FEBRUARI - Program Harmoni 2023 Peringkat Negeri Sarawak diadakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuching, Sarawak.

Program ini dilaksanakan bersempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Pengikut Agama Sedunia.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan peranan pemimpin ketua-ketua agama dan ketua-ketua komuniti dalam menyemarakkan lagi semangat muhibah dalam kalangan masyarakat khususnya bagi menyantuni warga emas.

YB Menteri Perpaduan telah menyantuni warga emas dari Rumah Seri Kenangan, Kuching dan menyerahkan Bakul RAHMAH kepada golongan kurang berasih baik.



PROGRAM KELANTAN ART & CULTURE FESTIVAL TOUR

25 FEBRUARI - Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Dr. Kang Tong Hum hadir ke Program Kelantan Art & Culture Festival Tour yang berlangsung selama tiga hari bermula 24 Februari di perkarangan Muzium Negara.

Program Kelantan Art & Culture ini menampilkan keunikan, kesenian, kebudayaan dan tradisi Negeri Kelantan yang dibawa khas dari Negeri Cik Siti Wan Kembang.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KEMBARA PERPADUAN MALAYSIA MADANI



“Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI akan membawa impak yang besar kepada seluruh lapisan masyarakat dengan pelbagai pengisian program yang dapat memperkuatkan jalinan muhibah dan ikatan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.”

**YB Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara**



1 MAC - YB Datuk Aaron Ago Dagang melancarkan Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI di Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Program ini merupakan salah satu inisiatif melalui Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dalam usaha memperkasa agenda perpaduan negara dan integrasi nasional di bawah Ikhtiar 11: Menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat.

MAJLIS AMANAT YB MENTERI SEMPENA HARI WANITA


“Sebagai sebuah negara yang sedang mengorak langkah ke arah kemajuan dan pembangunan masyarakat MADANI, keterlibatan kaum wanita amat diperlukan dalam segala lapangan untuk terus bergerak maju dan bersama-sama berusaha dengan lebih keras lagi bagi meningkatkan daya saing dan pembangunan negara.”

**YB Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara**

7 MAC - YB Menteri Perpaduan Negara merasmikan Majlis Sambutan Hari Wanita Kementerian Perpaduan Negara yang telah diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks F, Putrajaya.



GALERI UNITI AEON ALPHA ANGLE, WANGSA MAJU KUALA LUMPUR



10 HINGGA 12 MAC - Program Galeri UNITI diadakan bersama rakan strategik AEON Co. (M) Bhd. Program ini telah memasuki edisi ke-5 yang berlangsung di AEON Alpha Angle, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang. Datuk Aaron turut menyerahkan momento Rakan Strategik kepada Ketua Pegawai Sumber Manusia AEON Co. (M) Bhd, YBrs. Dr. Kasuma Satria Mat Jadi.



PROGRAM SEMARAK PERPADUAN



13 MAC - YB Datuk Aaron Ago Dagang menghadiri Program Semarak Perpaduan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Selangor, Anggerik Mall Shah Alam.

Program Semarak Perpaduan merupakan salah satu kluster program di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian.



PELANCARAN ANUGERAH MYHERO 4.0



18 MAC - Anugerah MyHero merupakan program kerjasama antara Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam usaha untuk mengiktiraf dan menghargai individu-individu yang telah banyak berkorban dan berjasa dalam usaha meningkatkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Program yang dikategorikan di bawah Kluster Program Semarak Perpaduan ini merupakan kolaborasi yang bertepatan dengan nilai-nilai Malaysia MADANI.

"Inilah semangat setia kawan dan perpaduan yang perlu diamalkan oleh seluruh lapisan rakyat negara ini agar keharmonian dan kesejahteraan terus terpelihara." - YBrs. Dr. Kang Tong Hum

PROGRAM KEMBARA PERPADUAN @YOUTH EMPOWERMENT FAIR 2023



MAJLIS TEMU MESRA EDITOR BERSAMA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA

20 MAC - Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang meraikan sebahagian petugas media dalam Majlis Temu Mesra bersama Editor Media di Kuala Lumpur.



PROGRAM PASCA BANJIR DI JOHOR

21 MAC - Kementerian Perpaduan Negara menyertai konvoi misi bantuan pasca-banjir ke beberapa lokasi di Johor yang terkesan akibat banjir.

Inisiatif ini adalah selaras dengan nilai Ihsan yang terdapat di dalam konsep MADANI serta nilai empati dalam pembudayaan *Great Civil Service*.



PERASMIAN EKSKLUSIF SENIMAN AGUNG TAN SRI P. RAMLEE

MALAYSIA MADANI

“Tan Sri P. Ramlee telah meninggalkan kepada kita khazanah hasil usaha dan buah fikirannya yang tidak ternilai. Mesej-mesej keharmonian, bersatu-padu, bekerjasama, saling menghormati tanpa mengira kaum dan agama digarap dengan baik dan ditonjolkan dengan jelas dalam karya-karya beliau yang tidak pernah lapuk dek hujan, tidak pernah lekang dek panas.”

YB Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara



23 MAC - Pameran Eksklusif Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee.

Pameran ini merupakan kerjasama Arkib Negara Malaysia bersama Malaysia Airports sempena 50 tahun pemergian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan sumbangan beliau dalam mempromosikan perpaduan melalui bidang seni.



MAJLIS ILMU KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



24 MAC - Program Ihya' Ramadan yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah Bahagian Penyelarasan Penguatkuasa dan Pendakwah Syariah Jakim dengan tajuk 'Ramadan yang dirindui, datang kembali'.



28 MAC - Program Ihya' Ramadan yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Harryanto Rizal bin Rokman dengan tajuk 'Ramadan Mendidik Hati dan Peribadi'.



7 APRIL - Program Ihya' Ramadan yang disampaikan oleh YBrs. Kepten (M) Ustaz Nik Kamaruddin bin Yunoh dengan tajuk 'Mencari Lailatul Qadar'.



31 MAC - Program Ihya' Ramadan disampaikan oleh YBrs. Ustaz Umar Abdul Aziz dengan tajuk 'Ramadan Bulan Keberkatan'.

PROGRAM GERAK RAHMAH

'JOM MASAK BUBUR LAMBUK'



1 APRIL - Program Gerak RAHMAH 2023 : Jom Masak Bubur Lambuk ini telah melibatkan 3,000 KRT dengan penyertaan lebih 60,000 ahli di seluruh negara dan sebanyak 300,000 bekas bubur lambuk diagharkan kepada komuniti setempat. Dalam majlis yang sama, Datuk Aaron turut menyerahkan sumbangan Bakul RAHMAH.

Disamping itu, Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang merasmikan Program Gerak RAHMAH 2023: Jom Masak Bubur Lambuk di Kuching, Sarawak dengan penglibatan lebih 178 Komuniti Rukun Tetangga (KRT) di sini.

MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA (EGM) DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) KALI KE-11



4 APRIL - Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang hadir ke Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) dan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kali ke-11 yang dilaksanakan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

Dalam majlis yang sama, Datuk Aaron turut menyerahkan watikah pelantikan dan surat penghargaan ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sukarelawan Siswa.

PROGRAM GERAK RAHMAH

'SEGULAI SEJALAI BUBUR PEDAS'



8 APRIL - YB Datuk Aaron Ago Dagang selesai menyempurnakan acara perasmian Program GERAK RAHMAH 2023 - Segulai Sejalai Bubur Pedas di Dataran Tun Tuanku Hj Bujang, Sibu.

Sebanyak 5,000 bekas bubur pedas diedarkan kepada komuniti setempat. Aktiviti ini adalah merupakan inisiatif bagi meningkatkan semangat perpaduan dalam komuniti di samping memperkenalkan juadah istimewa yang berasal dari masyarakat Melayu Sarawak buat warga Sibu.

MESYUARAT MExUnity



13 APRIL - Mesyuarat MExUnity dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dan disertai oleh barisan EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO Hal-Ehwal Agama Selain Islam.

Pelaksanaan mesyuarat ini menjadi platform perbincangan antara YB Menteri Perpaduan dan barisan EXCO Kerajaan Negeri mengenai usaha-usaha penyatupaduan termasuk perancangan dan pelaksanaan program-program perpaduan di peringkat negeri sejajar dengan kerangka perpaduan baharu iaitu "Membangun Malaysia MADANI" yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagai (Unity in Diversity).

PROGRAM KEMBARA PERPADUAN@KAMPUS - CHIT CHAT BELIA "MADANI : BERSEDIAKAH KITA?"

17 APRIL - Kementerian Perpaduan Negara mengambil langkah proaktif dalam mempertingkat penglibatan belia melalui inisiatif Kembara Perpaduan @ Kampus. Program Chit Chat Belia "MADANI : Bersediakah Kita?" merupakan salah satu insiatif Kementerian dalam membawa agenda perpaduan terus ke Kampus melalui kerjasama Sekretariat Rukun Negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Indera Noridah Abdul Rahim merasmikan Kembara Perpaduan @ Kampus di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam.



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

PELANCARAN PROGRAM PEMERKASAAN PROJEK EKONOMI RUKUN TETANGGA: KEMPEN KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI



30 JANUARI - YB Datuk Aaron Ago Dagang merasmikan ‘Pelancaran Program Pemerkasaan Projek Ekonomi Rukun Tetangga: Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai’. Projek ini melibatkan kerjasama JPNIN, KPN, dan BioLestari serta dilaksanakan secara rintis melibatkan 94 KRT di Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.

Objektif program ini adalah bagi memperkasa dan mempelbagaikan Projek Ekonomi KRT ke arah meningkatkan kesejahteraan komuniti, membantu menjana pendapatan komuniti KRT daripada jualan minyak masak terpakai serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan minyak masak terpakai yang betul selaras dengan matlamat pembangunan mampan.

Turut hadir, YBhg. Dato' Indera Noridah Binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Hajah Norison Binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, YBhg. Professor Dr. Hisham Bin Hamid, Timbalan Naib Canselor Universiti Teknologi dan YBrs. Puan Nor Azlina Binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak.



PELANCARAN PROGRAM KOMUNITI RAHMAH

'PROGRAM GERAK RAHMAH JOM SIHAT'



25 FEBRUARI - YBhg. Dato' Hajah Norison Binti Ramli Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional merasmikan Pelancaran Program Komuniti Rahmah – ‘Program Gerak Rahmah Jom Sihat’ Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di KRT Taman Pinggiran Felda Sungai Kelamah, Gemas, Negeri Sembilan.

Program dilaksanakan serentak di seluruh negara melalui penglibatan 4995 KRT dengan pelbagai pengisian antaranya senamrobik, pameran agensi, ceramah kesihatan, Ziarah Rahmah, pertandingan tarik tali, sukan rakyat, ‘Unity Fun Walk’ dan Kayuhan Sihat.

Majlis turut dihadiri YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia, Pn. Salasiah binti Hashim, Pengarah Perpaduan Negeri Sembilan serta pegawai-pegawai perpaduan yang lain.

WACANA PENYELIDIKAN IKLIN 2023



28 FEBRUARI - Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) melaksanakan Wacana Penyelidikan IKLIN 2023 bertempat di Institut Semarak Felda (ISEF) Bangi. Wacana ini mengangkat tema “Membangun Malaysia Madani Dari Perspektif Perpaduan”. Secara umumnya, program ini bertujuan untuk membentang dan menyebarluaskan hasil kajian-kajian dalam bidang perpaduan dan integrasi nasional yang dijalankan di peringkat IKLIN/JPNIN dengan penyelidik universiti dan kajian secara dalaman kepada peserta yang terlibat. Ia juga menjadi medium perkongsian hasil kajian pegawai Kementerian/Jabatan yang telah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana/PhD selain dapat memperkuatkkan sinergi kerjasama yang telah sedia terjalin di antara IKLIN dan pakar akademik secara keseluruhan.

Program turut dihadiri Pakar Perlembagaan Negara; YBhg. Datuk Prof. Madya Dr. Shamrahyu binti Ab. Aziz (UIA) yang membincangkan topik “Membangun Malaysia Madani Dari Perspektif Perpaduan” dalam sesi pencerahan minda. YBhg. Prof Madya Dr Shamsuddin bin Suhaili (UPSI) membentangkan kajian beliau berkaitan “Strategi dan Amalan Terbaik dalam Memperkuatkkan Perpaduan: Kajian Kes di Kawasan Rukun Tetangga Negeri Perak.

Seterusnya diikuti dengan pembentangan kajian oleh YBhg. Prof Madya Dr. Nordin bin Mamat (UPSI) dengan tajuk - The Quality of PERPADUAN Pre-school Environment and Human Resources: Teachers' Satisfaction on Their Career Development. YBhg. Dr. Erwan bin Ismail membentangkan kajian yang dijalankan oleh IKLIN secara dalaman bertajuk “Kajian Keberkesanan Mediator Komuniti (MK) Di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Johor”. Pembentangan kajian terakhir disampaikan oleh Puan Rina binti Harun (Kementerian Perpaduan Negara) dengan tajuk “Integrasi Nasional Antara Sabah dan Semenanjung Malaysia dalam Konteks Federalisme”.

PROGRAM WACANA ILMU SEMPENA PERISTIWA PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DAN CERAMAH RUKUN NEGARA & PERPADUAN



20 FEBRUARI - Arkib Negara Malaysia (ANM) mengadakan program Wacana Ilmu bertujuan memperingati Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956, di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (MPK), Melaka.

Wacana Ilmu yang berlangsung pada sebelah pagi melibatkan panel iaitu YBhg. Tan Sri Datuk Wira Prof. Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar, Pengerusi Pemegang Amanah Warisan Negeri Melaka dan YBrs. Dr. Azmi bin Ariffin, Pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM bersama moderator YBrs. Prof. Madya Dr. Zulkarnain bin Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Program diskusi ilmu selama lebih dua jam tersebut memberi banyak informasi mengenai peranan dan sumbangan wira tak didendang serta kisah yang tidak pernah diceritakan semasa berlakunya Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu.

Selain itu, program Ceramah Rukun Negara & Perpaduan diadakan pada sebelah petang bagi menerangkan tujuan utama pembentukan Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-13.

YBhg. PPj Bersekutu (PA) Datuk Prof. Dr. Hj Baharudin bin Hj Puteh, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Naib Canselor Universiti Melaka serta YBrs. Prof. Madya Dr. Nazri bin Muslim, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan) Pusat Pengajian Citra, UKM selaku panel dan YBrs. Dr. Azmi bin Ariffin, Pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM sebagai moderator.

Seramai 80 jemputan yang meliputi ahli akademik, ahli persatuan Sejarah, pensyarah, guru-guru, penuntut IPT dan beberapa wakil agensi kerajaan serta ahli Komuniti Rukun Tetangga (KRT) telah menghadiri program ini.

BICARA NEGARAWAN: MENELUSURI SUSUR GALUR BAPA PERPADUAN NEGARA DAN BICARA BUKU: “ROOTS LIVING HERITAGE”



11 MAC - Arkib Negara Malaysia mengadakan program Bicara Negarawan: Menelusuri Susur Galur Bapa Perpaduan Negara dan Bicara Buku: “Roots Living Heritage” di Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur.

Program ilmiah ini dianjurkan dengan kerjasama penulis dan editor buku “Roots Living Heritage” yang bertujuan mengupas lebih mendalam mengenai susur galur Perdana Menteri Malaysia Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn serta merungkai sejarah salasilah Melayu di Pulau Pinang.

Sejarah susur galur Bapa Perpaduan Negara telah disampaikan oleh tokoh pembicara, YBhg. Prof. Dr. Syed Farid Alatas manakala YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican menjelaskan mengenai salasilah keluarga Melayu Islam di Pulau Pinang serta perkaitan dengan asimilasi keturunan Merican. Penceritaan daripada kedua-dua tokoh pembicara ini dapat dilihat melalui buku “Roots Living Heritage” yang diterbitkan awal tahun ini.

YBhg. Dato' Halimah Mohd Said yang merupakan editor buku tersebut turut menyerahkan sebuah lukisan eksklusif bertajuk Houses of Worship kepada ANM sebagai simpanan kekal untuk dipelihara di sini. Penganjuran program seperti ini adalah sebahagian daripada peranan Arkib Negara Malaysia dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi serta cintakan sejarah negara.

Turut menyertai program Bicara ini adalah YAB Datuk Onn Hafiz bin Dato' Ghazi, Menteri Besar Johor bersama isteri serta kaum keluarga Allahyarham Tun Hussein Onn.



JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)

PROGRAM EKSPLORASI@MUZIUM: MUZIUM GERBANG TAMADUN



26 JANUARI - Program Eksplorasi@Muzium: Muzium Gerbang Tamadun dijalankan yang melibatkan Muzium Negara, Muzium Tekstil Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Seni Kraf Orang Asli dan Muzium Muzik. Program ini merupakan projek rintis antara Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya (APMUM) dengan Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Sejumlah 183 orang pelajar dan sembilan orang pensyarah telah menyertai program ini.

Bagi memastikan kelancaran program, Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) telah bertindak sebagai penyelaras program. Pihak MEDM dengan kerjasama pensyarah APMUM telah menyelaraskan agihan keseluruhan pelajar mengikut kapasiti muzium-muzium yang terpilih. Sepanjang program berlangsung, para pelajar telah diberikan taklimat berkaitan sejarah dan latar belakang muzium masing-masing. Selain itu, para pelajar juga turut diberi penerangan ringkas berkaitan pengurusan koleksi yang dilakukan oleh pihak muzium seperti kaedah penyimpanan artifak, kaedah peragaan artifak dalam sesuatu pameran dan juga kaedah pengukuran pelbagai koleksi yang terdapat di muzium.

Program kerjasama APMUM dengan JMM ini boleh dijadikan wadah perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman antara institusi permuziuman dengan institusi pengajian tinggi amnya. Para pelajar bukan sahaja dapat memahami peranan dan kepentingan muzium dalam usaha memelihara dan memulihara khazanah warisan negara, tetapi juga merasai pengalaman baharu meneroka informasi tanpa sempadan mengenai artifak yang terdapat di muzium.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULA JADI



2 FEBRUARI - Program Outreach atau Program Jangkau Luar Muzium Alam Semula Jadi yang pertama pada tahun 2023 dimulakan dengan Sekolah Kebangsaan (1) Gombak, Selangor. Menerusi program outreach ini, para pelajar didedahkan dengan fakta-fakta menarik mengenai pelbagai spesimen awetan zoologi yang dipamerkan agar mereka lebih mengenali serta menghargai hidupan liar yang semakin diancam kepupusan.

Program outreach kedua telah diadakan pada 8 Februari 2023 di SMK (P) Pudu. Para pelajar didedahkan dengan pelbagai jenis pengkelasan hidupan liar yang telah diawet serta diberi penerangan tentang peranan hidupan liar tersebut di dalam ekosistem alam semula jadi. Program outreach ketiga pula melibatkan para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn pada 14 Februari 2023. Dalam program ini, para pelajar didedahkan dengan pelbagai jenis spesimen zoologi yang mempunyai kepentingan dalam ekosistem di Malaysia serta diberikan penerangan tentang jenis-jenis awetan yang dilakukan oleh kakitangan Muzium Alam Semula Jadi.

Kesemua tiga program outreach ini diketuai oleh Encik Muhamad Syafiq bin Ahmad Zahari, Kurator Zoologi dan penglibatan seramai tujuh orang pegawai dan kakitangan Muzium Alam Semula Jadi.

PROGRAM BICARA@MUZIUM DI MUZIUM MATANG



21 MAC - Muzium Matang membuka tirai program Bicara@Muzium dengan menampilkan dua orang penceramah iaitu Encik Nor Hisham bin Zulkifle membentangkan tajuk "Pasukan Keselamatan Ngah Ibrahim dan Asisten Komisioner Polis (ACP) Tuan Selamat bin Sainuyen Pengarah Muzium Kepolisan, Muzium PDRM membentangkan tajuk "Sejarah Penubuhan Pasukan Polis Perak".


Program telah diadakan di Dewan Seminar Muzium Matang dan dirasmikan oleh YBrs. Encik. Pravin A/L Poobalan, Pegawai Perpaduan Daerah Larut Matang Selama. Tujuan program ini diadakan ialah menyebarluaskan kepada seluruh masyarakat ketokohan dan perjuangan Tengku Menteri Ngah Ibrahim, dan menjadi inspirasi kepada generasi kini dan akan datang.

Topik Bicara@Muzium banyak mengupas mengenai pasukan keselamatan dan Polis yang dimiliki oleh Ngah Ibrahim. Program ini telah berjaya menarik seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada waris Tengku Menteri Ngah Ibrahim kakitangan kerajaan, NGO, penyelidik dan pemandu pelancong.

Program seperti ini diharap dapat merealisasikan hasrat JMM untuk menjadikan muzium sebagai wadah ilmu dan agen perpaduan dan penyatuan masyarakat selain dapat menanamkan rasa cinta kepada sejarah negara.



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



A banner for the 'Digital Exploration@U-PUSTAKA 2023: Training on EBSCOhost'. It features a hand holding a smartphone displaying the PNM app interface. The background shows a wooden desk with a laptop, a glass of water, and some pens. The PNM logo and crest are at the top. A QR code is in the center with the text '< scan QR to join >'. Below the QR code is the date 'DATE: Tues, 31 Jan 2023' and time 'TIME: 10.00 am- 11.30 am'. The text 'TRAINING VIA: YouTube PNM TV Channel' is at the bottom.



A banner for 'Explorasi Digital @ u-Pustaka 2023 LATIHAN i-LEARN ACE'. It features a QR code, the date '09/02/2023 | KHAMIS 10.00-11.30 AM', and a photo of a man in a suit labeled 'Tenaga Pengajar Fuad Johari'. The background includes the PNM logo and crest, and text about 10 HADIAH KUIZ UNTUK DIMENANGI. Social media links for PNM are listed at the bottom.



A banner for 'EKSPLORASI DIGITAL @U-PUSTAKA 2023'. It features a photo of a man in a yellow shirt labeled 'Nabeel Ismay OokbeeMY', a QR code, and the text 'LIVE PNM TV CHANNEL'. The background includes the PNM logo and crest, and text about Latihan Pangkalan Data Ookbee. Social media links for PNM are listed at the bottom.

EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA: LATIHAN EBSCOHOST

31 JANUARI - Sesi latihan Eksplorasi Digital@u-Pustaka: Latihan EBSCOhost dilaksanakan dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan langganan pangkalan data PNM dengan memberi tunjuk ajar kepada pengguna berkenaan tatacara penggunaan perkhidmatan pangkalan data yang terdapat di dalam portal u-Pustaka. Pada sesi ini, seramai 142 orang penonton langsung semasa siaran telah menyertai program ini.

EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA: LATIHAN i-LEARN ACE

31 JANUARI - Sesi latihan Eksplorasi Digital@u-Pustaka: Latihan i-learn Ace dilaksanakan dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan langganan pangkalan data PNM dengan memberi tunjuk ajar kepada pengguna berkenaan tatacara penggunaan perkhidmatan pangkalan data yang terdapat di dalam portal u-Pustaka. Pada sesi ini seramai 280 orang penonton langsung semasa siaran.

EKSPLORASI DIGITAL@U-PUSTAKA: LATIHAN OOKBEE BUFFET

23 FEBRUARI - Sesi latihan Eksplorasi Digital@u-pustaka: Latihan Ookbee Buffet dilaksanakan dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan langganan pangkalan data PNM dengan memberi tunjuk ajar kepada pengguna berkenaan tatacara penggunaan perkhidmatan pangkalan data yang terdapat di dalam portal u-Pustaka. Ookbee Buffet menyediakan akses kepada bahan bacaan digital termasuk surat khabar, majalah, novel dan buku terbitan lebih daripada 15 penerbit ternama tempatan seperti Karangkraf, Nanyang Siang Pau, News Straits Times, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Fixi, Gempak Starz, PTS, dan Utusan Karya. Pada sesi ini seramai 299 orang penonton langsung semasa siaran telah menyertai program ini

YAYASAN SUKARELAWAN SISWA (YSS)

PROGRAM REMAJA BAYANGAN SAHABAT (KEM KEPIMPINAN DALAM KOMUNITI)



13 HINGGA 14 JANUARI - Program ini merupakan anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Program ini melibatkan 130 orang pelajar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Antarabangsa Newton, Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, dan sekolah menengah di sekitar kawasan Lembah Pantai.

YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital merangkap Ahli Parlimen Lembah Pantai juga sempat hadir dan meninjau keadaan para peserta pada hari kedua kem ini berlangsung.

PROGRAM REMAJA BAYANGAN SAHABAT (KEM KEPIMPINAN DALAM KOMUNITI)

13 FEBRUARI - Seramai 200 orang pelajar dari SMK Lubok China Melaka mengikuti Program GEGAR anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Para pelajar mendengar perkongsian mengenai pelaksanaan 'Generational Endgame (GEG)' dan Bahaya rokok serta 'Vape' daripada DR Adam bin Naslan, Pegawai Perubatan Klinik Berhenti Merokok, Klinik Kesihatan Lubok China.



YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (YTAR)

LAWATAN SEKOLAH UNTUK PROGRAM CLOSING THE GAP



FEBRUARI HINGGA MAC - Berlangsungnya Program *Closing The Gap*. Program yang dianjurkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman adalah melibatkan lawatan ke sekolah-sekolah di seluruh Lembah Klang.

Program ini adalah melibatkan sesi penerangan tentang program *Closing The Gap* dan mengenal pasti pelajar yang berpotensi tinggi dan berkeperluan tinggi untuk menyertai program yang dianjurkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman.



GALERI YBM



GALERI KSU







**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel : +603-8091 8000

Emel : pro@perpaduan.gov.my